

# E-Jaminan percepatkan rawatan

BH 2/2/10  
M/S 3

**P**UTRAJAYA: Proses mendapatkan rawatan perubatan bagi kakitangan awam di hospital akan dipermudahkan dengan pengenalan surat E-Jaminan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Ismail Adam, berkata usaha sedang dilaksanakan bagi memperkenalkan kemudahan itu tidak lama lagi dan JPA kini bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan termasuk mengumpul pangkalan data.

"Ia sudah dilakukan dengan beberapa hospital di Lembah Klang. Sebaik pangkalan data siap di hospital berkenaan, lebih mudah untuk kakitangan awam dan tanggungan mendapatkan rawatan," katanya kepada *Bernama* semalam.

Ismail berkata, dengan surat E-Jaminan itu, kakitangan awam tidak perlu membawa surat jaminan dari pejabat untuk rawatan sebaliknya hanya menunjukkan MyKad.

Mengenai perkhidmatan dalam talian JPA, beliau berkata, pihaknya sedang berusaha membentuk sebuah agensi sehenti bagi pejamu hartanah yang bakal menyediakan semua perkhidmatan berhubung bangunan, sijil siap bangunan, perancangan bandar dan kawasan tapak serta sijil layak menduduki.

Berhubung langkah mewujudkan kerajaan elektronik, Ismail berkata, JPA menyediakan banyak perkhidmatan dalam talian termasuk permohonan biasiswa dan kekosongan jawatan.

Katanya, walaupun JPA menyediakan banyak perkhidmatan dalam talian, namun ada sebahagian masyarakat tidak yakin terhadap sistem elektronik. - *Bernama*